

Program tingkatkan kecekapan pegawai akan dilaksanakan

UM 27 OCT 2002

PUTRAJAYA 26 Okt. — Kerajaan akan melaksanakan program mempertingkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai dalam membuat sesuatu perjanjian seperti pengeluaran kontrak.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pada masa ini perjanjian dan kontrak yang diadakan tidak dibuat dengan cukup baik sehingga mendatangkan masalah kepada kerajaan.

“Oleh sebab itu kita berpendapat, kita perlu memberi tumpuan kepada masalah membuat perjanjian, mengeluarkan kontrak dan sebagainya supaya urusan ini dapat dibuat dengan dengan cukup baik.

“Dengan ini dapat mengelak kerajaan daripada mengalami kerugian,” katanya.

Menurut Dr. Mahathir, pada masa ini kerajaan sudah membentuk satu sistem yang lebih baik dan berharap ia akan dipelajari oleh semua pegawai terlibat.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Makan Malam Tahunan Persatuan Perkhidmatan dan Diplomatik (PPTD) di sini malam tadi.

Turut hadir Presiden PPTD, Datuk Seri Aseh Che Mat.

Pada majlis itu, Perdana Menteri turut menyampaikan Anugerah Emas PPTD kepada Ainoriza Mohd. Aini dan Anugerah Khas PPTD kepada Mohd. Mawardi Mohd. Tazha.